

Praktis SPM

Soalan Objektif

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan takrif kemerdekaan.

Kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas.

Siapakah tokoh yang memberikan takrif kemerdekaan tersebut?

- A Soekarno
- B Nelson Mandela
- C Mahatma Gandhi
- D Dr. Mahathir Mohamad

2. Senarai berikut berkaitan dengan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa Sambutan

Apakah peranan utama Jawatankuasa Persediaan Fizikal?

- A Menonjolkan identiti
- B Melaksanakan protokol
- C Mempromosikan majlis sambutan
- D Menghias bandar dan jalan raya

3. Maklumat berikut berkaitan dengan lambang negara.

- Terang bulan
- Negeri Perak
- Saiful Bahari

Apakah lambang negara yang dimaksudkan?

- A Jata Negara
- B Bunga kebangsaan
- C Lagu kebangsaan
- D Bendera kebangsaan

4. Gambar berikut berkaitan dengan prasarana yang dibina pada tahun 1957.



Apakah tujuan pembinaan prasarana tersebut?

- A Menonjolkan identiti negara
- B Meraikan kemerdekaan negara
- C Mewujudkan kemudahan bersukan
- D Menganjurkan pertandingan bola sepak

5. Maklumat berikut berkaitan dengan usaha yang dilaksanakan pada tahun 1957.

- Menyediakan 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu.
- Memasang lampu di bandar raya dan jalan raya.

Mengapakah langkah tersebut diambil?

- A Memulihkan ekonomi
- B Menggalakkan perniagaan
- C Mewujudkan peluang pekerjaan
- D Memeriahkan sambutan kemerdekaan

6. Peristiwa berikut berlaku pada pukul 12.00 tengah malam tanggal 30 Ogos 1957.

- Bendera Union Jack diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Pada pendapat anda, apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Mempertahankan identiti negara
- B Upacara pemasyhuran kemerdekaan negara
- C Menandakan negara kita bebas daripada penjajahan British
- D Memperlihatkan bendera kebangsaan buat kali pertamanya

7. Mengapakah Tunku Abdul Rahman dikalungkan rantai emas dengan pingat berukir "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" oleh Pasukan Pemuda Perikatan?

- A Menghormati ketua parti
- B Negara kita kaya dengan emas
- C Menandakan kemakmuran negara
- D Menghargai jasa Tunku Abdul Rahman

8. Apakah kepentingan Pemasyhuran Kemerdekaan yang dibaca oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957?

- A Mengisytiharkan kemerdekaan negara
- B Membacakan syarat-syarat kemerdekaan

- C Menandakan persetujuan untuk mencapai kemerdekaan
- D Menjelaskan hubungan Persekutuan Tanah Melayu dengan British

9. Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman melancarkan "Merdeka".



Apakah mesej yang dibawa oleh gambar tersebut?

- A Tunku Abdul Rahman pengasas Persekutuan Tanah Melayu
- B Tunku Abdul Rahman pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang berkarisma
- C Negara-negara lain menghormati pemimpin Persekutuan Tanah Melayu
- D Persekutuan Tanah Melayu menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat

10. Bagaimanakah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dicapai?

- A Revolusi
- B Rundingan
- C Kerjasama politik
- D Penentangan bersenjata

11. Dalam sistem pemerintahan negara kita pada hari ini, siapakah yang menjadi ketua negara?

- A Sultan
- B Ketua Menteri
- C Perdana Menteri
- D Yang di-Pertuan Agong

12. Apakah kesan kemerdekaan kepada negara kita dalam aspek politik?

- I Pemerintahan republik
- II Sistem Raja Berperlembagaan
- III Pemerintahan Demokrasi Berparlimen
- IV Pemerintahan pakatan pelbagai parti politik
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah masalah utama yang dihadapi oleh pemimpin negara apabila negara mencapai kemerdekaan?

- A Mengamalkan birokrasi Barat
- B Bekerjasama dengan pentadbir British
- C Menggantikan pegawai Barat dengan rakyat tempatan
- D Melantik rakyat tempatan untuk jawatan penting kerajaan

14. Mengapakah negara kita menyertai Pertubuhan Komanwel apabila mencapai kemerdekaan?

- I Merapatkan hubungan
- II Menunjukkan komitmen
- III Mendapatkan pengiktirafan
- IV Mempertahankan kemerdekaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15. Maklumat berikut berkaitan dengan pencapaian Persekutuan Tanah Melayu dalam misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menyertai misi pasukan pengaman PBB di Congo

Pencapaian tersebut menunjukkan

- A Dasar luar yang bebas
- B Cabaran kemerdekaan
- C Kerjasama politik dunia
- D Pengiktirafan tertinggi PBB

16. Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960)?

- I Memajukan tanah baharu
- II Meningkatkan pertumbuhan ekonomi
- III Mempelbagaikan pengeluaran pertanian
- IV Menyelia pembinaan kemudahan asas
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Mengapakah Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan pada peringkat negeri dan daerah?

- A Memajukan kehidupan penduduk luar bandar
- B Merancang dan menyelaras pelaksanaan projek pembangunan
- C Menggalakkan perkembangan ekonomi penduduk luar bandar
- D Memindahkan penduduk luar bandar ke rancangan FELDA

18. Apakah tujuan Jabatan Penerangan ditubuhkan?

- A Menyampaikan maklumat
- B Menyiarkan rancangan televisyen
- C Menyebarkan propaganda kerajaan
- D Meluaskan penggunaan bahasa kebangsaan

19. Apakah peranan Kementerian Kesihatan?
- A Pemulihan isu sosial demi kesejahteraan rakyat
 - B Menyediakan bekalan air bersih kepada penduduk
 - C Meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar
 - D Meningkatkan peluang pekerjaan penduduk luar bandar

20. Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep kerajaan.

Kerajaan merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir negara.

Bagaimanakah kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk?

- A Peranan ulama
- B Proses pilihan raya
- C Kebijaksanaan Perdana Menteri
- D Ketetapan Yang di-Pertuan Agong

21. Pernyataan berikut berkaitan dengan prinsip keempat Rukun Negara.

Kedaulatan Undang-undang

Apakah maksud yang dibawa oleh prinsip tersebut?

- A Undang-undang negara wajar dipatuhi

- B Undang-undang negara tidak boleh dipinda
- C Undang-undang negara digubal oleh Perdana Menteri
- D Kerajaan dan rakyat tertakluk di bawah undang-undang negara

22. Antara berikut, yang manakah merangkumi hak asasi sebagai rakyat?

- I Kebebasan bersuara
- II Memberikan pendapat
- III Mematuhi undang-undang
- IV Taat setia kepada sultan dan raja

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV